

KEBERKESANAN PENGURUSAN PENDIDIKAN PRASEKOLAH

**Hj. Nasarudin bin Pandak Osman
Pensyarah Kanan**

Institut Aminuddin Baki (Cawangan Utara), Jitra, Kedah.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian tinjauan mengenai persepsi pengurus sekolah dan guru-guru berkaitan keberkesanannya pengurusan pendidikan prasekolah seperti kualiti pengurusan prasekolah, hubungan pemuaafakan guru-ibubapa membantu murid dan kualiti kebijakan dan keselamatan murid di sekolah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia. Kajian telah melibatkan responden terdiri 125 pengurus dan guru-guru sekolah rendah di 26 buah sekolah pelbagai jenis di Negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara. Dalam kajian ini data telah dikumpul menggunakan borang soalselidik dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan tahap sederhana yang signifikan antara latihan responden dengan kualiti pengurusan prasekolah. Juga terdapat hubungan tahap lemah yang signifikan antara kualiti pengurusan prasekolah dengan kualiti kebijakan dan keselamatan murid. Manakala hubungan kualiti pengurusan prasekolah dengan pemuaafakan guru-ibu bapa pula tidak hubungan signifikan. Kesimpulannya pengurusan pendidikan prasekolah perlu ditingkatkan lagi terutamanya berkaitan kebijakan dan keselamatan murid prasekolah.

Kata kunci: Kualiti pengurusan prasekolah, hubungan pemuaafakan guru-ibubapa membantu murid dan kualiti kebijakan dan keselamatan murid.

PENGENALAN

Pendidikan murid khasnya peringkat prasekolah merupakan asas dalam kejayaan murid berkenaan. Dalam Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) pendidikan telah dinyatakan dengan jelas pendidikan prasekolah diberi keutamaan. Sehubungan itu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif meningkatkan kualiti pengurusan pendidikan prasekolah. Usaha ini telah bermula sejak tahun 2010 melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan diteruskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mulai tahun 2013. Pelbagai program dan aktiviti telah diperkenalkan dan mendapat sokongan baik daripada ibubapa dan komuniti sekolah. Ibubapa murid mula membuka minda dan berminat membantu pendidikan murid prasekolah.

Pihak pengurusan prasekolah di sekolah seperti Guru Besar, Guru Penolong kanan dan guru-guru prasekolah telah disediakan dengan sumber tenaga yang mencukupi dan mendapat latihan sepatutnya. Pihak kementerian melalui jabatan pelajaran negeri dan pegawai pelajaran daerah telah menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk pendidikan prasekolah. Namun pihak ibu bapa masih berminat menghantar anak-anak belajar di prasekolah pihak lain dan swasta. Sehubungan itu penyelidik ingin melihat keberkesanan pengurusan pendidikan prasekolah di sekolah anjuran KPM

Pemuafakatan guru-ibubapa merupakan faktor penting untuk menggalakkan kejayaan murid. Menurut Abdul Ghani Abdullah (2009), “Guru sebagai penjana pemuafakatan yang dinamik, kepimpinan guru sering menunjukkan strategi yang membantunya dalam menyesuai dan melibatkan diri dalam persekitaran. Antaranya menjalin hubungan mesra dengan warga sekolah termasuk ibubapa murid”.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini adalah untuk meninjau kenapa ibubapa kurang berminat menghantar anak ke prasekolah anjuran KPM. Adakah pengurusan prasekolah di sekolah anjuran KPM kurang berkesan. Kajian lalu mendapati Ibu bapa lebih berminat menghantar anak-anak belajar di prasekolah swasta (Azizi Hj. Yahya, 2002).

Hasil temu bual dalam kalangan ibu bapa di sebuah sekolah ‘A’ menunjukkan:

- i. Pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira berlaku tetapi pada kadar yang perlahan dan secara beramai-ramai.
- ii. Kemahiran bersosial hanya dalam kelompok kaum yang sama
- iii. Keselamatan dan kebajikan murid di tahap yang minimum

Berdasarkan maklumat tersebut pengkaji merasakan perlu membuat kajian ini untuk memastikan masalah sebenar dan mencari pilihan mengatasi masalah tersebut untuk peningkatan kualiti pendidikan di negara ini. Namun kajian ini terhad kepada pengurusan prasekolah sahaja.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini ingin melihat sejauh manakah keberkesanan pengurusan pendidikan prasekolah di sekolah anjuran KPM dan membuat cadangan penambahbaikan pengurusan pendidikan prasekolah tersebut. Objektif khususnya ialah:


- i. Melihat sejauh manakah kualiti pengurusan pendidikan prasekolah
- ii. Mengetahui hubungan pemuaafakatan guru dengan ibu bapa murid prasekolah
- iii. Mengenal pasti kualiti kebajikan dan keselamatan murid prasekolah

SOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, maka beberapa soalan kajian telah dibina untuk menguji ketepatan kajian ini. Antara soalan kajian tersebut ialah:

- i. Adakah pendidikan prasekolah ditadbir urus dengan sempurna
- ii. Adakah guru membina hubungan pemuaafakatan dengan ibu bapa murid prasekolah untuk kecemerlangan pendidikan murid
- iii. Sejauhmanakah hubungan latihan prasekolah meningkatkan kualiti pengurusan pendidikan prasekolah.
- iv. Sejauhmanakah hubungan pengurusan prasekolah memastikan kebajikan dan keselamatan murid di utamakan.

KERANGKA KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Kajian Keberkesanan Pengurusan Prasekolah

Kerangka kajian dalam rajah 1, menunjukkan keberkesanan pengurusan prasekolah, hubungan pemuafakatan guru – ibu bapa dan kualiti kebajikan dan keselamatan murid berhubungkait dengan latihan pengurusan prasekolah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini untuk mengenal pasti punca masalah kelemahan dalam pengurusan prasekolah, hubungan pemuafakatan ibu bapa dalam pendidikan prasekolah dan kebajikan dan keselamatan murid prasekolah. Masalah dalam pengurusan prasekolah perlu diambil tindakan proaktif untuk memastikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dapat dijayakan sepenuhnya. Dasar KPM juga sangat jelas untuk membangunkan pendidikan prasekolah untuk memastikan program Literasi dan Neumerasi (LINUS) dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Murid prasekolah adalah asas kepada pendidikan rakyat di masa hadapan. Kemenjadian murid adalah amanah besar yang harus dipikul oleh semua pihak, khasnya warga KPM, untuk memastikan terbentuknya warganegara yang berkualiti. Kajian ini perlu diberi perhatian semua pihak untuk memastikan pengurusan pendidikan prasekolah diurus dengan sempurna dan diharapkan pendidikan asas

seperti membaca, menulis dan mengira boleh dikuasai oleh murid sebelum memasuki alam persekolahan sebenar.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan di beberapa buah sekolah di negeri-negeri utara Malaysia. Namun boleh digunakan di tempat-tempat lain di Malaysia berdasarkan persamaan kelas prasekolah anjuran KPM. Kajian ini juga terbatas kepada pengurusan prasekolah. Fokus kajian tertumpu kepada hubungan pemuaafakatan guru-ibu bapa dan kebajikan dan keselamatan murid prasekolah. Aspek lain seperti pedagogi, kualiti guru, motivasi dll juga boleh menyumbang kepada pengurusan berkualiti.

METODOLOJI KAJIAN

Penyelidik akan menjelaskan kaedah kajian yang digunakan. Kaedah kajian tersebut melibatkan reka bentuk kajian, tempat kajian, sampel kajian, instrumen kajian dan kajian rintis.

Rekabentuk Kajian

Dalam kajian ini penyelidik telah menggunakan kaedah kajian kuantitatif. Maklumat berkaitan kajian ini dikumpul menggunakan borang soal selidik. Kaedah ini merupakan cara terbaik bagi mendapatkan pandangan dan persepsi responden berkaitan persoalan yang dikemukakan. (Mohd Najib, 1999). Rasional penyelidik menggunakan borang soal selidik tersebut adalah untuk memberi ruang kepada responden meneliti dan memahami persoalan yang dikemukakan dengan mudah dan pantas menganalisis data yang diperoleh.

Tempat Kajian

Kajian telah dijalankan di sekolah-sekolah rendah di utara Malaysia, di sekitar negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak(utara). Kesemua sekolah tersebut ada menawarkan pendidikan prasekolah.

Sampel Kajian

Menurut Azizi Yahaya et. al (2007), sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun

sebaliknya. Terdapat beberapa teknik yang dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat. Sampel dipilih secara Rawak Berstrata (*Stratified Random Sampling*) yang terdiri guru pengurusan dan guru prasekolah. Pengkaji telah mengenal pasti 26 buah sekolah pelbagai jenis untuk mewakili populasi pengurusan prasekolah Sampel kajian yang dipilih berasaskan kaedah persampelan rawak berstrata (Mohd Majid Konteng, 1990). Menurut Fraenkel J.R (1999:71), '*is a process in which certain subgroups or strata are selected for the sample in the same population as they exist in the population*'. Pengkaji mencadangkan sampel seramai 130 orang. Mereka di minta secara sukarela menjadi responden. Sekolah-sekolah yang dipilih meliputi pelbagai jenis sekolah, daerah pelajaran dan juga lokasi kediaman. Hanya 125 responden sahaja kembalikan borang soal selidik yang dilengkapkan.

Instrumen Kajian

Soal-selidik disesuaikan oleh pengkaji berdasarkan rujukan beberapa tinjauan seperti Azizi Hj. Yahaya dan Jamaludin Ramli (2001), Siti Saleha Samuri dan Zurayah Zaidon (2007), Unit Perancangan Dasar dan Penyelidikan KPM (2012), Syarifah Nor Puteh dan Aliza Ali (2012) dan Surat Perkeliling Iktisas Bil. 15/2002: Pelaksanaan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan. Soal-selidik tersebut mengandungi 4 bahagian, iaitu:

Bahagian A: Biodata Responden

Bahagian ini meliputi maklumat demografi responden seperti lokasi sekolah, jantina, kaum, umur, hubungan dengan murid, pendapatan, tahap pendidikan, kursus atau latihan, penglibatan di sekolah dan pekerjaan.

Bahagian B: Kualiti Pengurusan Pendidikan Prasekolah (KP)

Bahagian ini mengandungi 13 item yang berkaitan kualiti pengurusan prasekolah. Kesemua item tersebut dinilai menggunakan skala likert STS (sangat tak setuju), TS (tak setuju), TP (tak pasti), S (setuju) dan SS (sangat setuju). Responden diminta menandakan mana-mana satu pilihan tersebut pada setiap item.

Bahagian C: Hubungan Pemuafakatan Guru dengan Ibubapa (HP)

Bahagian ini mengandungi 13 item yang berkaitan hubungan pemuaafakatan guru dengan ibubapa membantu pembelajaran murid. Cara penilaian sama seperti di Bahagian B.

Bahagian D: Kualiti Kebajikan dan Keselamatan Murid (KK)

Bahagian ini mengandungi 13 item yang berkaitan kualiti kebajikan dan keselamatan murid prasekolah. Cara penilaian sama seperti di Bahagian B.

Kajian Rintis

Kajian ini telah dijalankan di beberapa buah sekolah rendah yang menawarkan pendidikan prasekolah dalam kawasan PPD Kubang Pasu, Kedah. Terdapat beberapa item diubahsuai kerana nilai kebolehpercayaan agak rendah. Akhirnya dapatkan ujian rintis kesemua itemmenunjukkan terdapat nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach 0.806.

Analisis Data Kajian

Data yang diperolehi melalui set soal-selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS version 16.0)*. Data dianalisis menggunakan kaedah statistik asas iaitu Statistik Deskriptif dan Statistik Inferensi. Analisis Deskriptif digunakan untuk melihat taburan kekerapan, peratus, min dan sisihan piaawai. Manakala analisis Inferensi pula menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Ujian Korelasi Pearson digunakan untuk melihat hubungan pembolehubah dalam soalan kajian. Aras signifikan ditetapkan iaitu kurang 0.05 sahaja diterima. Jadual 1 menunjukkan garis panduan Guilford digunakan menentukan kekuatan hubungan pembolehubah.

Jadual 1: Garis Panduan Guilford

| Nilai Pekali Korelasi r | Kekuatan Hubungan |
|--------------------------------|--------------------------|
| Kurang daripada 0.20 | Sangat lemah |
| 0.20 hingga 0.40 | Lemah |
| 0.40 hingga 0.70 | Sederhana |
| 0.70 hingga 0.90 | Kuat |
| Lebih daripada 0.90 | Sangat kuat |

Sumber: Rodziah (2004)

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Demografi Responden

Berdasarkan analisis dalam Jadual 2, daripada 125 responden didapati 57 responden (53.6%) tinggal di Bandar dan 58 responden (46.4%) tinggal di kawasan luar Bandar. Oleh itu kebanyakan responden yang dikaji mendiami kawasan bandar. Jantina responden pula didapati lelaki 50 orang (40.0%) dan perempuan 75 orang (60.0%), jadi responden perempuan lebih ramai berbanding lelaki. Komposisi kaum pula Melayu 74 orang (59.2%), Cina 38 orang (30.4%) dan India 13 orang (10.4%). Kebanyakan responden daripada kaum Melayu. Manakala umur responden didapati umur 25 - 39 tahun 59 orang (47.2%), umur 40 – 55 tahun 61 orang (48.8%) dan umur lebih 55 tahun 5 orang (4.0%). Oleh itu responden adalah orang dewasa. Hubungan responden dengan murid didapati sebagai guru 75 orang (60.0%) dan sebagai pengurus sekolah 50 orang (40.0%). Kebanyakan hubungan respon dengan murid prasekolah adalah sebagai guru.

Pendapatan responden pula didapati kurang RM1000 seramai 1 orang (0.8%), pendapatan antara RM1000 – RM3000 seramai 78 orang (62.4%) dan pendapatan antara RM3001 – RM5000 seramai 46 orang (36.8%). Kebanyak responden berpendapatan sederhana. Pendidikan responden pula didapati memiliki sijil/diploma seramai 76 orang (60.8) dan Ijazah Sarjana Muda seramai 49 orang (39.2%). Jadi kebanyakan responden berpendidikan sederhana. Latihan berkaitan prasekolah yang pernah diikuti oleh responden didapati latihan anjuran KPM/IAB/IPG/BPG seramai 60 orang (48.0%), latihan anjuran JPN/PPD/PKG seramai 13 orang (10.4%), latihan anjuran IPT/Swasta seramai 23 orang (18.4%) dan tiada latihan seramai 29 orang (23.2%). Jadi kebanyakan responden pernah ikuti latihan prasekolah. Penglibatan responden di sekolah sebagai pengurus sekolah seramai 50 orang (40.0%), penyelaras prasekolah 2 orang (1.6%), guru prasekolah seramai 45 orang (36.0%) dan guru biasa seramai 28 orang (22.4%). Kebanyakan responden adalah pengurus sekolah yang terlibat langsung dengan prasekolah. Pekerjaan responden sebagai Guru Besar seramai 14 orang (11.2%), sebagai Guru Penolong Kanan seramai 48 orang (38.4%), Guru Prasekolah seramai 48 orang (38.4%) dan Guru Penolong seramai 15 orang (12%). Jadi pekerjaan respon kebanyakannya Guru Penolong Kanan dan Guru Prasekolah.

Jadual 2: Maklumat Responden

| Demografi Responden | | Frekuensi | Peratus (%) |
|-------------------------------|-----------------------|-----------|-------------|
| Lokasi kediaman | Bandar | 67 | 53.6 |
| | Luar bandar | 58 | 46.4 |
| Jantina | Lelaki | 50 | 40.0 |
| | Perempuan | 75 | 60.0 |
| Kaum | Melayu | 74 | 59.2 |
| | Cina | 38 | 30.4 |
| | India | 13 | 10.4 |
| Umur | 25 – 39 tahun | 59 | 47.2 |
| | 40 – 55 tahun | 61 | 48.8 |
| | Lebih 55 tahun | 5 | 4.0 |
| Hubungan dengan murid | Guru | 75 | 60.0 |
| | Pengurus sekolah | 50 | 40.0 |
| Pendapatan | Kurang RM1000 | 1 | 0.8 |
| | RM1000 – RM3000 | 78 | 62.4 |
| | RM3001 – RM5000 | 46 | 36.8 |
| Pendidikan | Sijil/Diploma | 76 | 60.8 |
| | Ijazah Sarjana Muda | 49 | 39.2 |
| Latihan prasekolah | KPM/IAB/IPG/BPG | 60 | 48.0 |
| | JPN/PPD/PKG | 13 | 10.4 |
| | IPT/Swasta | 23 | 18.4 |
| | Tiada latihan | 29 | 23.2 |
| Penglibatan di sekolah | Pengurus sekolah | 50 | 40.0 |
| | Penyelaras prasekolah | 2 | 1.6 |
| | Guru prasekolah | 45 | 36.0 |
| | Guru biasa | 28 | 22.4 |
| Pekerjaan | Guru Besar | 14 | 11.2 |
| | Guru Penolong Kanan | 48 | 38.4 |
| | Guru Prasekolah | 48 | 38.4 |
| | Guru Penolong | 15 | 12.0 |

Analisis Frekuensi, Peratus dan Min

Dalam kajian ini analisis deskriptif digunakan untuk mengukur frekuensi, peratus dan min setiap item yang terdapat dalam soal-selidik. Terdapat tiga bahagian mengukur keberkesanan pengurusan pendidikan prasekolah dianalisis iaitu kualiti pengurusan pendidikan prasekolah, hubungan pemuaafakatan guru dengan ibubapa dan kualiti kebijakan dan keselamatan murid. Setiap item dinilai berdasarkan nilai frekuensi, peratus dan min. Nilai yang tinggi menunjukkan responden bersetuju item tersebut, manakala nilai yang rendah pula membawa maksud disebaliknya. Terdapat

juga beberapa item berbentuk negatif dimana responden tidak bersetuju membawa maksud menolak kenyataan tersebut. Item tersebut telah ditransform dalam bentuk positif untuk memudahkan analisis data tersebut.

Kualiti Pengurusan Pendidikan Prasekolah

Terdapat tiga belas item telah diajukan kepada responden. Hasil analisis dalam Jadual 3, menunjukkan beberapa item dipersetujui oleh responden dengan nilai frekuensi, peratus dan min yang tinggi. Antaranya ialah Alatan dan bahan bantuan digunakan oleh guru. Item ini menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 76 (60.8%) dan setuju 46 (36.8%) serta min 4.584, Kenyataan visi dan misi pendidikan prasekolah dipamerkan sekitar kelas yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 57 (45.6%) dan setuju 65 (52.0%) serta min 4.432 dan Pengurusan sekolah memantau kebijakan dan keselamatan murid yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 56 (44.8%) dan setuju 59 (47.2%) serta min 4.368. Merujuk jadual tersebut tiada item yang tidak dipersetujui.

Keputusannya hampir kesemua item menunjukkan terdapat kualiti pengurusan pendidikan prasekolah. Responden memahami kepentingan kualiti pengurusan tersebut. Walau bagaimanapun Keceriaan dan kebersihan bilik kelas yang selesa untuk pembelajaran perlu ditingkatkan untuk mantapkan lagi kualiti pengurusan prasekolah.

Jadual 3: Kualiti Pengurusan Pendidikan Prasekolah

| Bil | Kualiti Pengurusan Pendidikan Prasekolah | Frekuensi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | Min |
|------------|--|-------------|----------|----------|----------|----------|----------|--------------|
| | | | (STS) | (TS) | (TP) | (S) | (SS) | |
| 1 | Bilik kelas prasekolah sempurna dan selesa | Frekuensi | 0 | 0 | 14 | 83 | 28 | 4.112 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 11.2 | 66.4 | 22.4 | |
| 2 | Kemudahan asas dalam kelas mencukupi dan selamat | Frekuensi | 0 | 1 | 11 | 83 | 30 | 4.136 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0.8 | 8.8 | 66.4 | 24.0 | |
| 3 | Alatan dan bahan bantuan digunakan oleh guru | Frekuensi | 0 | 0 | 3 | 46 | 76 | 4.584 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 2.4 | 36.8 | 60.8 | |
| 4 | Pengurusan sekolah memantau kebijakan dan keselamatan murid | Frekuensi | 0 | 0 | 10 | 59 | 56 | 4.368 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 8.0 | 47.2 | 44.8 | |
| 5 | Murid bermain dalam kelas dengan kawalan guru atau pembantu guru | Frekuensi | 1 | 11 | 22 | 51 | 40 | 3.944 |
| | | Peratus (%) | 0.8 | 8.8 | 17.6 | 40.8 | 32.0 | |
| 6 | Menggunakan kurikulum standard (KSSR) | Frekuensi | 0 | 0 | 1 | 81 | 43 | 4.320 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0.8 | 64.8 | 34.4 | |

| | | | | | | | | |
|------------|--|-------------|-----|------|------|------|------|--------------|
| 7 | Buku latihan murid disemak secara teratur dan sempurna | Frekuensi | 0 | 4 | 35 | 85 | 1 | 3.664 |
| | | Peratus (%) | 0 | 3.2 | 28.0 | 68.0 | 0.8 | |
| 8 | Maklumat guru dan pembantu guru dipamerkan | Frekuensi | 0 | 0 | 25 | 71 | 29 | 4.032 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 2.0 | 56.8 | 23.2 | |
| 9 | Peti cadangan, aduan dan maklum balas pengurusan disediakan | Frekuensi | 0 | 1 | 3 | 78 | 43 | 4.304 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0.8 | 2.4 | 62.4 | 34.4 | |
| 10 | Keceriaan dan kebersihan bilik kelas selesa untuk pembelajaran | Frekuensi | 8 | 35 | 8 | 50 | 24 | 3.376 |
| | | Peratus (%) | 6.4 | 28.0 | 6.4 | 40.0 | 19.2 | |
| 11 | Maklumat peribadi, kesihatan dan perkembangan murid disediakan | Frekuensi | 0 | 0 | 1 | 118 | 6 | 4.040 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0.8 | 94.4 | 4.8 | |
| 12 | Kenyataan visi dan misi pendidikan prasekolah dipamerkan sekitar kelas | Frekuensi | 0 | 0 | 3 | 65 | 57 | 4.432 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 2.4 | 52.0 | 45.6 | |
| 13 | Saya yakin pihak pengurusan boleh menguruskan prasekolah dengan sempurna | Frekuensi | 0 | 0 | 21 | 69 | 35 | 4.112 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 16.8 | 55.2 | 28.0 | |
| Purata Min | | | | | | | | 4.109 |

Hubungan Pemuafakatan Guru dengan Ibu bapa

Terdapat tiga belas item yang dikemukakan kepada responden seperti dipamerkan dalam Jadual 4, berkaitan hubungan pemuafakatan guru-ibu bapa. Kesemua item tersebut menunjukkan nilai frekuensi, peratus dan min yang tinggi. Nilai tersebut menunjukkan item dipersetujui oleh responden. Antaranya item yang dipersetujui ialah Saya kenal ibu bapa murid prasekolah dengan lebih dekat, yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 118 (94.4%) dan setuju 7 (5.6%) serta min 4.944, Saya sedia membantu ibu bapa murid prasekolah yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 77 (61.6%) dan setuju 48 (38.4%) serta min 4.616 dan Interaksi guru-ibu bapa membantu kurangkan masalah murid yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 73 (58.4%) dan setuju 52 (41.6%) serta min 4.584. Merujuk jadual tersebut tiada item yang tidak dipersetujui.

Keputusannya berdasarkan analisis responden, Saya kenal ibu bapa murid prasekolah dengan lebih dekat dan Saya sedia membantu ibu bapa murid prasekolah sangat dipersetujui dan mendapat perhatian yang menggalakkan. Tiada item yang tidak dipersetujui.

Jadual 4: Hubungan Pemuafakatan Guru dengan Ibu bapa

| Bil | Hubungan Pemuafakatan Guru dengan Ibubapa | | 1 (STS) | 2 (TS) | 3 (TP) | 4 (S) | 5 (SS) | Min |
|------------|--|-------------|------------|-----------|-----------|----------|-----------|---------------|
| 1 | Saya kenal ibu bapa murid prasekolah dengan lebih dekat | Frekuensi | 0 | 0 | 0 | 7 | 118 | 4.944 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0 | 5.6 | 94.4 | |
| 2 | Hubungan guru-ibu bapa saling bantu-membantu | Frekuensi | 0 | 0 | 6 | 86 | 33 | 4.216 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 4.8 | 68.8 | 26.4 | |
| 3 | Interaksi guru-ibu bapa membantu kurangkan masalah murid | Frekuensi | 0 | 0 | 0 | 52 | 73 | 4.584 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0 | 41.6 | 58.4 | |
| 4 | Saya minat berbincang dengan ibu bapa berkaitan pendidikan murid | Frekuensi | 0 | 0 | 7 | 62 | 56 | 4.392 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 5.6 | 49.6 | 44.8 | |
| 5 | Prihatin guru-ibu bapa telah meningkatkan prestasi akademik murid | Frekuensi | 0 | 0 | 1 | 78 | 46 | 4.360 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0.8 | 62.4 | 36.8 | |
| 6 | Pemuafakatan guru-ibu bapa telah meningkatkan kebolehan murid | Frekuensi | 0 | 0 | 1 | 84 | 40 | 4.312 |
| | | Peratus (%) | | | 0.8 | 67.2 | 32.0 | |
| 7 | Perbincangan guru-ibu bapa membantu kurangkan masalah kehadiran murid | Frekuensi | 0 | 0 | 14 | 61 | 50 | 4.268 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 11.2 | 48.8 | 40.0 | |
| 8 | Kemesraan guru-ibu bapa dapat tingkatkan motivasi guru | Frekuensi | 0 | 2 | 20 | 47 | 56 | 4.256 |
| | | Peratus (%) | 0 | 1.6 | 16.0 | 37.6 | 44.8 | |
| 9 | Saya sedia membantu ibu bapa murid prasekolah | Frekuensi | 0 | 0 | 0 | 48 | 77 | 4.616 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0 | 38.4 | 61.6 | |
| 10 | Saya suka membantu ibu bapa murid untuk kebaikan | Frekuensi | 0 | 0 | 17 | 90 | 18 | 4.008 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 13.6 | 72.0 | 14.4 | |
| 11 | Saya yakin kerjasama guru-ibubapa dapat tingkatkan pencapaian murid | Frekuensi | 0 | 0 | 7 | 54 | 64 | 4.458 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 5.6 | 43.2 | 51.2 | |
| 12 | Saya minat hadiri aktiviti pemuafakatan guru-ibu bapa murid | Frekuensi | 0 | 0 | 4 | 106 | 15 | 4.088 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 3.2 | 84.8 | 12.0 | |
| 13 | Saya yakin pemuafakatan guru-ibu bapa dapat tingkatkan kebolehan murid | Frekuensi | 0 | 0 | 0 | 54 | 71 | 4.568 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0 | 43.2 | 56.8 | |
| Purata Min | | | | | | | | 4.3914 |

Kualiti Kebajikan dan Keselamatan Murid

Merujuk Jadual 5, terdapat tiga belas item yang dikemukakan kepada responden berkaitan kualiti kebajikan dan keselamatan murid prasekolah. Hanya beberapa item menunjukkan nilai frekuensi, peratus dan min yang tinggi. Kebanyakan item menunjukkan nilai yang sederhana dan rendah. Antaranya item-item yang dipersetujui ialah Guru dan pembantu guru amalkan penyediaan makanan bersih dan selamat yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 111 (88.8%) dan setuju 14 (11.2%) serta min 4.888, Murid dilatih amalan pengurusan diri dalam kehidupan yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 76 (60.8%) dan setuju 43 (34.4%) serta min 4.560 dan Murid dilatih amalkan kebersihan diri spt basuh tangan, gosok gigi dll yang menunjukkan nilai frekuensi sangat setuju 59 (47.2%) dan setuju 66 (52.8%) serta min 4.472. Terdapat satu item yang kurang dipersetujui iaitu Ibu bapa memantau keselamatan murid semasa aktiviti luar bilik kelas. Item ini menunjukkan nilai min 2.920.

Keputusannya berdasarkan analisis responden mendapati Guru dan pembantu guru amalkan penyediaan makanan bersih dan selamat sangat dipersetujui. Manakala item yang kurang dipersetujui ialah Ibubapa memantau keselamatan murid semasa aktiviti luar bilik kelas.

Jadual 5: Kualiti Kebajikan dan Keselamatan Murid

| Bil | Kualiti Kebajikan dan Keselamatan Murid | Frekuensi | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | Min |
|-----|--|-------------|-------|------|------|------|------|-------|
| | | | (STS) | (TS) | (TP) | (S) | (SS) | |
| 1 | Bangunan, kawasan dan peralatan prasekolah disahkan selamat | Frekuensi | 0 | 26 | 35 | 64 | 0 | 3.304 |
| | | Peratus (%) | 0 | 20.8 | 28.0 | 51.2 | 0 | |
| 2 | Peralatan kit kecemasan mencukupi dan guru menggunakan alatan tersebut | Frekuensi | 0 | 20 | 32 | 68 | 5 | 3.464 |
| | | Peratus (%) | 0 | 16.0 | 25.6 | 54.4 | 4.0 | |
| 3 | Guru dan pembantu guru memastikan murid selesa dan ceria semasa di sekolah | Frekuensi | 0 | 14 | 21 | 68 | 22 | 3.784 |
| | | Peratus (%) | 0 | 11.2 | 16.8 | 54.4 | 17.6 | |
| 4 | Murid menggunakan alatan elektrik dengan kawalan guru atau pembantu guru | Frekuensi | 0 | 11 | 27 | 28 | 59 | 4.080 |
| | | Peratus (%) | 0 | 8.8 | 21.6 | 22.4 | 47.2 | |
| 5 | Murid dilatih amalkan kebersihan diri spt basuh tangan, gosok gigi dll. | Frekuensi | 0 | 0 | 0 | 66 | 59 | 4.472 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0 | 52.8 | 47.2 | |

| | | | | | | | | |
|------------|---|-------------|---|------|------|------|------|--------------|
| 6 | Amalan melindungi keselamatan murid dilaksanakan | Frekuensi | 0 | 22 | 40 | 57 | 6 | 3.376 |
| | | Peratus (%) | 0 | 17.6 | 32.0 | 45.6 | 4.8 | |
| 7 | Guru dan pembantu guru amalkan penyediaan makanan bersih dan selamat | Frekuensi | 0 | 0 | 0 | 14 | 111 | 4.888 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 0 | 11.2 | 88.8 | |
| 8 | Ibu bapa memantau keselamatan murid semasa aktiviti luar bilik kelas atau lawatan luar. | Frekuensi | 0 | 0 | 36 | 63 | 26 | 2.920 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 28.8 | 50.4 | 20.8 | |
| 9 | Pemeriksaan kesihatan dilakukan secara berjadual | Frekuensi | 0 | 6 | 13 | 36 | 70 | 4.360 |
| | | Peratus (%) | 0 | 4.8 | 10.4 | 28.8 | 56.0 | |
| 10 | Saya yakin kebajikan dan keselamatan murid diutamakan | Frekuensi | 0 | 37 | 37 | 41 | 10 | 3.192 |
| | | Peratus (%) | 0 | 29.6 | 29.6 | 32.8 | 8.0 | |
| 11 | Murid dilatih amalan pengurusan diri dalam kehidupan | Frekuensi | 0 | 0 | 6 | 43 | 76 | 4.560 |
| | | Peratus (%) | 0 | 0 | 4.8 | 34.4 | 60.8 | |
| 12 | Guru dan pembantu guru memantau kesihatan murid | Frekuensi | 0 | 42 | 20 | 29 | 34 | 3.440 |
| | | Peratus (%) | 0 | 33.6 | 16.0 | 23.2 | 27.2 | |
| 13 | Hanya waris berdaftar dibenarkan menjemput murid semasa balik sekolah | Frekuensi | 0 | 43 | 17 | 24 | 41 | 3.504 |
| | | Peratus (%) | 0 | 34.4 | 13.6 | 19.2 | 32.8 | |
| | | | | | | | | 3.796 |
| Purata Min | | | | | | | | |

Analisis Hubungan Latihan dengan Pengurusan Pendidikan Prasekolah

Ujian Korelasi Pearson digunakan menguji perhubungan pemboleh ubah dalam soalan kajian 3. Latihan prasekolah sebagai pemboleh ubah bebas dan kualiti pengurusan prasekolah sebagai pemboleh ubah bersandar. Maklumat dalam Jadual 6, menunjukkan terdapat tiga hubungan mewakili latihan prasekolah dan kualiti pengurusan prasekolah iaitu hubungan Latihan dengan Kualiti Pengurusan Prasekolah yang memberi nilai Pekali Korelasi $r=0.422$ dan $P=0.001$. Hubungan Latihan dengan Hubungan pemuaafakatan guru-ibu bapa yang memberi nilai Pekali Korelasi $r=0.221$ dan $P=0.032$. Hubungan Latihan dengan Kualiti kebajikan dan keselamatan murid memberi nilai Pekali Korelasi $r=0.601$ dan $P=0.422$.

Jadual 6: Ujian Korelasi, hubungan antara latihan responden dengan sumbangan meningkatkan pengurusan pendidikan prasekolah

| Hubungan Pembolehubah | N | r | Sig | Tahap |
|--|----------|----------|------------|--------------|
| Latihan vs kualiti pengurusan | 125 | 0.422 | 0.001 | Sederhana |
| Latihan vs hubungan pemuaafakatan guru-ibu bapa | 125 | 0.221 | 0.032 | Lemah |
| Latihan vs kualiti kebijakan dan keselamatan murid | 125 | 0.601 | 0.422 | sederhana |

Keputusan ujian mendapati hubungan latihan dengan kualiti pengurusan prasekolah mempunyai hubungan korelasi yang sederhana dan pada aras signifikan. Tahap hubungan latihan dengan hubungan pemuaafakatan guru-ibu bapa pula menunjukkan hubungan lemah pada aras signifikan. Hubungan latihan dengan kebijakan dan keselamatan murid juga sederhana tetapi pada aras yang tidak signifikan.

Analisis Hubungan Pengurusan Prasekolah dengan Kualiti Kebajikan dan Keselamatan Murid

Ujian Korelasi Pearson digunakan menguji perhubungan pemboleh ubah dalam soalan kajian 4. Pengurusan Prasekolah sebagai pemboleh ubah bebas dan kualiti kebijakan dan keselamatan murid sebagai pemboleh ubah bersandar. Maklumat dalam Jadual 7, menunjukkan hubungan Pengurusan Prasekolah dengan Kualiti kebijakan dan keselamatan murid memberi nilai Pekali Korelasi $r=0.285$ dan $P=0.039$

Jadual 7: Ujian Korelasi, hubungan antara pengurusan prasekolah dengan kualiti kebajikan dan keselamatan murid

| Hubungan Pemboleh ubah | N | r | Sig | Tahap |
|--|----------|----------|------------|--------------|
| Pengurusan Prasekolah vs kualiti kebajikan dan keselamatan murid | 125 | 0.285 | 0.039 | Lemah |

Keputusan ujian mendapati hubungan pengurusan prasekolah dengan kualiti kebajikan dan keselamatan murid mempunyai hubungan korelasi yang lemah dan pada aras signifikan.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kualiti pengurusan Pendidikan Prasekolah

Keputusannya hampir kesemua item menunjukkan terdapat kualiti pengurusan pendidikan prasekolah. Responden memahami kepentingan kualiti pengurusan tersebut. Walau bagaimanapun Keceriaan dan kebersihan bilik kelas yang selesa untuk pembelajaran perlu ditingkatkan untuk mantapkan lagi kualiti pengurusan prasekolah.

Hubungan Pemuafakatan Guru-Ibu bapa Meningkatkan Kecemerlangan Murid

Keputusannya berdasarkan analisis responden, Saya kenal ibu bapa murid prasekolah dengan lebih dekat dan Saya sedia membantu ibu bapa murid prasekolah sangat dipersetujui dan mendapat perhatian yang menggalakkan. Tiada item yang tidak dipersetujui.

Kualiti Kebajikan dan Keselamatan Murid

Keputusannya berdasarkan analisis responden mendapati Guru dan pembantu guru amalkan penyediaan makanan bersih dan selamat sangat dipersetujui. Manakala item yang kurang dipersetujui ialah Ibubapa memantau keselamatan murid semasa aktiviti luar bilik kelas.

Perbincangan Soalan Kajian

Terdapat empat soalan kajian yang dikaji. Soalan kajian 1 dan 2 menggunakan kekerapan, peratus dan min. Manakala soalan kajian 3 dan 4 diuji menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Perbincangan soalan kajian seperti berikut:

- i. Berdasarkan kekerapan, peratus dan min, hampir semua item menunjukkan pendidikan prasekolah ditadbir urus dengan sempurna. Namun keceriaan dan kebersihan kelas prasekolah perlu ditingkatkan.
- ii. Kesemua item menunjukkan min yang tinggi iaitu guru membina hubungan pemuaafakan dengan ibu bapa murid prasekolah
- iii. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan hubungan latihan prasekolah dapat meningkatkan kualiti pengurusan pendidikan prasekolah.
- iv. Hubungan pengurusan prasekolah dengan kebajikan dan keselamatan murid mempunyai hubungan tahap lemah dan tidak signifikan.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dan keputusan yang dibincangkan, beberapa kesimpulan dan rumusan terhadap kajian ini telah diputuskan. Antaranya ialah:

- i. Terdapat hubungan antara latihan prasekolah dengan kualiti pengurusan pendidikan prasekolah
- ii. Hubungan pemuaafakan guru-ibu bapa adalah penting untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan murid prasekolah
- iii. Kebajikan dan keselamatan murid prasekolah perlu ditingkatkan dalam pengurusan pendidikan prasekolah
- iv. Tiada hubungan latihan prasekolah dengan kebajikan dan keselamatan murid prasekolah
- v. Terdapat hubungan tahap lemah antara kualiti pengurusan prasekolah dengan kualiti kebajikan dan keselamatan murid.

CADANGAN KAJIAN

Pengurusan prasekolah khasnya Guru Besar hendaklah memastikan pengurusan prasekolah ditadbirurus dengan sempurna.. Semua pihak hendaklah melihat semula keberkesanan pengurusan prasekolah dinegara ini. Berdasarkan dapatan, perbincangan dan kesimpulan yang dinyatakan, penyelidik mengemukakan beberapa cadangan berkaitan kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Pengurus sekolah hendaklah lebih berinisiatif dan kreatif memastikan mendapat latihan pengurusan prasekolah dengan sempurna.
- ii. Pihak KPM, khasnya Institut Aminuddin Baki (IAB) memastikan semua pengurus prasekolah mengikuti latihan prasekolah.
- iii. Pemuafakatan guru-ibu bapa dalam pendidikan prasekolah hendaklah ditingkatkan untuk kecemerlangan murid prasekolah
- iv. Latihan prasekolah perlu dikaji semula terutamnya meningkatkan kebijakan dan keselamatan murid prasekolah
- v. Kualiti kebijakan dan keselamatan murid hendaklah ditingkatkan untuk kecemerlangan pendidikan prasekolah
- vi. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pengurus sekolah samada di KPM, JPN, PPD atau di sekolah untuk mencemerlangkan lagi pegurusan prasekolah di negara ini.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Abdullah, (2009). *Kepimpinan dan Penambahbaikan Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd
- Azizi Yahaya et.al (2007), Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan Pts Professional: Kuala Lumpur
- Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, (2001). *Keberkesanan Pendidikan Prasekolaah KEMAS dan Swasta: Perbandingan Mengikut Persepsi Ibubapa*. Skudai, Johor: Universiti teknologi Malaysia.
- Brian Fidler, (2007). *Merancang Kemajuan Sekolah (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Elaine K. McEwan (2005). *How to Deal With Parent Who Are Angry, Troubled, Afraid or Just Plain Crazy*. California: Corwin Press.
- Habibah Ellias, (1993). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan, Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Abd. Rahman dan Kamariah Ibrahim, (1993). *Pengurusan Pengelolaan Pusat Prasekolah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ibrahim Mamat, (2001). *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepimpinan. Edisi kedua*. Subang Jaya, Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Ismail Zain, (2002). *7 Strategi Pemantauan Pembelajaran Untuk Ibubapa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Kamarudin Hussin (1996). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kathy Gardner Chadwick (2004). *Improving School Through Community Engagement*. Carlifornia: Corwin Press.
- Maureen Botrie (1992). *Teachers and Parents Together*. Ontario, Canada: Pembroke Publishers.
- Mavis G. Sanders (2006). *Building School – Community Partnership*. Carlifornia, USA: Corwin Press.
- Mohd Daud Hamzah (1996). *Perkembangan Kanak-kanak dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Mohd Najib Abdul Ghafar, (1999). *Rekabentuk Kajian*. www.kkkla.edu.my/..at-turun-kertas-kerja/finish/7...

Rodziah, M. (2004). *Tahap Pencapaian Kemahiran Proses Sains Pelajar-Pelajar Sekolah di negeri Perlis*. Kangar: Kolej Matrikulasi Perlis.

Rohaty Mohd Maizub dan Abu Bakar Nordin (1994). *Pendidikan Prasekolah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Rusmini Ku Ahmad, (2009). *Creating Successful for School Leaders*. Genting Highland: Institut Aminuddin Baki, KPM.

Sudia Paloma McCaleb. (1997). *Building Communities of Learners*. New Jersey, USA: Lawrence Erlbaum Associates Inc.